



**SEKTOR PEMBELAJARAN
PEJABAT PENDIDIKAN KOTA BELUD**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022

Bahasa Melayu

Kertas 1

2 jam

1103/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
- 2. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
- 3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 4. Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
- 5. Calon yang didapati meniru boleh dikenakan tindakan tatatertib.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.***[Masa dicadangkan: 30 minit]***Maklumat di bawah berkaitan dengan permainan tradisional.**Huraikan pendapat anda tentang **permainan tradisional**.**Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

Terompah tempurung merupakan antara permainan sukan rakyat yang masih popular pada masa ini. Cara bermainnya adalah dengan meletakkan kaki di atas tempurung. Ibu jari kaki menyepit tali dan tangan pula perlu mengawal tali ketika kaki digerakkan. Permainan ini bukan sahaja bersifat menyeronokkan tetapi dapat menyihatkan tubuh badan dan meningkatkan kekuatan fizikal otot tangan dan kaki.

Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5



Semilir angin petang membawa simfoni damai melodi syahdu dirasakan penuh harmoni ayu busana dan senyuman liris kesantunan gadis-gadis yang bersimpuh di beranda bermain congkak warisan bonda.

Jari-jemari mengatur buah-buah congkak bagai lenggang gemalai di medan persaingan yang menuntut ketekunan andaiannya menjangkau jauh ke hadapan menang tidak pernah sombong diri kalah tiada terlintas rasa iri.

Gadis-gadis yang bersimpuh di beranda bermain congkak warisan bonda melestari seni budaya dalam utuh maruah moyang tercinta tanpa gundah diri dicerca mundurnya minda.

Sajak Permainan tradisional

Sumber: Internet

Bahagian B
[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

Soalan 1:

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, setiap orang yang terlibat dapat dikukuhkan lagi melalui semangat kejiranan. Beliau berkata, kerajaan selama ini sudah mengusahakan kempen penyatuan nasional asas gagasan 1Malaysia."Kali ini, saya ingin menyarankan pula, agar kita memperkukuhkan muafakat melalui semangat kejiranan. "Mulakan dengan usaha yang sangat mudah ini, berbaik-baik sesama jiran tetangga. Semangat kejiranan adalah langkah pertama ke arah perpaduan nasional dan keharmonian sejagat yang berterusan," katanya dalam catatan terbaharu di blog NajibRazak.com, hari ini.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>. 11 Sept 2016

Kenyataan beliau menjelaskan bahawa **semangat kejiranan** sangat penting disuburkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dalam hal ini, ibu bapa memainkan signifikan ke arah melahirkan masyarakat yang mengamalkan semangat kejiranan.

Bincangkan.

Soalan 2:

PUTRAJAYA : Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Dr. Khair Mohamad Yusof berkata; Ilmu merupakan faktor terpenting dalam menentukan kebahagiaan individu dan kejayaan serta kekuatan sesuatu bangsa dan negara. Ilmu juga membina kekuatan minda ke arah daya fikir tinggi serta daya kreatif dalam kalangan individu dan bangsa. Dalam hal ini, para pendidik perlulah menyediakan generasi muda yang berilmu untuk berfikir, bertindak dan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat berlandaskan skop yang global dan terkini serta berupaya menangani gelombang persaingan, perkembangan dan perubahan masa ini.

Sumber: <http://www.utusan.com.my/pendidikan>.

Petikan berita di atas menunjukkan bahawa ilmu merupakan elemen yang amat penting dalam kehidupan dan dapat menjadikan kehidupan seseorang itu lebih sempurna.

Huraikan kepentingan-kepentingan ilmu dalam kehidupan seseorang.

Soalan 3.

Patriotisme berkait rapat dengan nasioanlisme dan kedua-dua istilah ini sering ditukar ganti penggunaannya seolah-olah sinonim dengan satu sama lain. Patriotisme juga membayangkan bahawa seseorang wajar mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan diri dan kelompoknya. Ketika peperangan, mungkin nyawa diri yang perlu dikorbankan. Gugur dalam pertempuran demi tanah air ialah contoh tipikal bagi patriotisme yang aulia atau ekstrim.

(Dipetik daripada “Semangat patriotisme perlu dijiwai, bukan sekadar simbolik”
oleh Dr Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri,
BH Online, 18 September 2014)

Petikan rencana ini menyatakan definisi patriotisme dan nasionalisme yang sinonim dengan maknanya.

Huraikan cara-cara anda menunjukkan rasa bangga akan negara.

Soalan 4.

Sebelum ini, kerjaya sebagai doktor, jurutera dan peguam sering menjadi impian para pelajar. Namun pembangunan di kebanyakan negara kini tertumpu kepada kemajuan transformasi digital sekali gus membuka peluang kerjaya yang lebih luas. Tahukah anda, kerjaya dalam bidang digital seperti *Youtuber* dan *Instafamous* menawarkan pendapatan yang lumayan dan menyeronokkan? Golongan muda harus sedar bahawa dengan kepesatan teknologi, kerjaya yang ada sekarang mungkin tiada lagi pada masa hadapan.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Realiti Pekerjaan Masa Hadapan’
Astro Awani, 10 Februari 2018

Petikan di atas menggambarkan situasi pilihan kerjaya pada masa akan datang.

Berikan pendapat anda tentang persediaan-persediaan untuk menceburi kerjaya dalam bidang digital.